



Rujukan: UKM.BEN.BA.100-7/5/2

Tarikh : 1 April 2022

Dekan/ Pengarah/ Ketua/ Pengetua
Fakulti/ Institut/ Pusat/ Jabatan/ Kolej Kediaman
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

KEMPEN PELUPUSAN ASET ALIH UNIVERSITI

Dengan hormatnya saya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Aset, Jabatan Bendahari akan menganjurkan Kempen Pelupusan Aset Alih Universiti bermula pada **1 April 2022**.
3. Tujuan kempen ini dianjurkan adalah bagi memberi kesedaran dan memastikan PTj tidak menyimpan aset alih yang tidak boleh digunakan atau tidak lagi diperlukan, selain memastikan dapat mengurangkan kos kerugian dan menjimatkan ruang simpanan/pejabat/stor di PTj serta dapat membantu Universiti untuk menjana hasil daripada aktiviti pelupusan yang dilakukan.
4. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Pengurusan Pelupusan Aset Alih Universiti selaras dengan Pekeliling Bendahari Bil. 5/2019 Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti bagi memastikan urusan pelupusan aset alih dilaksanakan dengan lebih cekap mengikut terma dan peraturan yang telah ditetapkan dan menjadikan pengurusan aset Universiti lebih cemerlang.
5. Sehubungan itu, sukacita YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat mengambil tindakan dan menyampaikan maklumat ini kepada semua pegawai dan kakitangan seliaan di PTj masing-masing.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 02549

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

BAHAGIAN ASET, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5459/4201/5185/8177 E-mel: kbaset@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari

Sekian, kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Prof. Ulung/ Prof./ Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Yang benar,



MOHD AZLI MOHD KASIRUN C.A. (M)
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Naib Canselor, UKM
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri, Alumni & Masyarakat)
 - Pendaftar
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Ketua Pegawai Teknologi Maklumat
 - Pro Naib Canselor (Strategi dan Pembangunan Korporat)
 - Pro Naib Canselor (Penjanaan dan Prasarana)
 - Pro Naib Canselor (Kampung Kuala Lumpur)



BAHAGIAN ASET, JABATAN BENDAHARI

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5459/4201/5185/8177 E-mel: kbaset@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/bendahari